



30 November 2017
30 November 2017
P.U. (A) 371

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN
(FI DAN SUMBANGAN) 2017

*LEGAL AID (FEES AND CONTRIBUTIONS)
REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN (FI DAN SUMBANGAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32(1) Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

Fi pendaftaran bagi khidmat bantuan guaman

2. Fi pendaftaran yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Pertama hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman bagi khidmat bantuan guaman yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

Sumbangan

3. (1) Amaun sumbangan yang kena dibayar di bawah subseksyen 16(2), 16A(2) dan 29H(3) Akta berkenaan dengan sumber kewangan setahun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3), (4) atau (5) Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Amaun sumbangan yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

Fi pendaftaran dan sumbangan hendaklah dibayar masuk ke dalam akaun amanah

4. Fi pendaftaran dan sumbangan yang kena dibayar hendaklah dibayar masuk ke dalam akaun amanah yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] bagi maksud mentadbir khidmat bantuan guaman.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

FI PENDAFTARAN BAGI KHIDMAT BANTUAN GUAMAN

<i>(1)</i> <i>No.</i>	<i>(2)</i> <i>Khidmat bantuan guaman</i>	<i>(3)</i> <i>Fi</i> <i>(RM)</i>
1.	Kes jenayah	10
2.	Tindakan sivil	10
3.	Nasihat guaman	10
4.	Khidmat pengantaraan	10
5.	Khidmat pendamping guaman	10